

BAB 1 : IDEA NASIONALISME DI FILIPINA

1.1 Nasionalisme – Pengertian Secara umum

Secara umum, nasionalisme bolehlah ditafsirkan sebagai satu semangat penyatuan yang dirasakan oleh satu kumpulan penduduk yang juga berhasrat untuk menguasai institusi politik dan ekonomi negara mereka. Seterusnya mereka sendiri ingin menentukan hala tuju dan menguruskan hal-ehwal negara mereka, yang sebelum ini berada di bawah pentadbiran penjajahan asing.¹ Namun begitu, nasionalisme mempunyai pengertian yang lebih luas daripada itu. Ia adalah lebih daripada satu cetusan rasa di kalangan penduduk sesebuah negara atau satu kumpulan daripada penduduk tersebut untuk mendapatkan kebebasan politik. Nasionalisme juga adalah lebih daripada usaha untuk mendapatkan kebebasan ekonomi dan juga lebih daripada sifat setia kepada negara tercinta.²

Nasionalisme melibatkan banyak perkara seperti sentimen, kesetiaan, kesedaran dan emosi. Nasionalisme merangkumi banyak elemen asas seperti perasaan cintakan tanah air secara mendalam, bangsa yang sama, bahasa, agama, tradisi, kejayaan sejarah silam, seni, perlakuan masyarakat, ideologi politik dan propaganda mereka.³

Nasionalisme satu konsep yang wujud selaras dengan perkembangan sejarah dan peringkat awal ia tidak wujud. Di Eropah, nasionalisme mula muncul di Jerman ketika Perang Tiga Puluh Tahun yang berlaku antara tahun 1618-1648. Pada masa ini nasionalisme muncul sebagai satu bahagian daripada perang keagamaan. Mulai lebih kurang tahun 1650, khasnya selepas Revolusi Perancis, semangat nasionalisme mula

¹ Richard Butwell, "Nationalism, Revolution and Evolution in South-East Asia", dalam Burmese Political Development : Impact of a Nationalist Heritage, Switzerland : Centre for South East Asian Studies University of Hull, 1970, hlm. 126.

² Jan Romein, The Asian Century - A History of Modern Nationalism in Asia, London : George Allen & Unwin Ltd., 1956, hlm. 30.

³ R.S. Chavan, Nationalism in Asia, New Delhi: Sterling Publishers Pvt. Ltd., 1973, hlm. 6.

mengambil alih tempat semangat keagamaan, walaupun sentimen keagamaan itu terus diperjuangkan.⁴

Satu lagi perkara yang menarik tentang nasionalisme adalah konsepnya yang tidak tetap. Nasionalisme Barat dan nasionalisme Timur menampakkan perbezaan. Seterusnya jika dikaji nasionalisme pada abad ke 16 dan abad ke 19, pasti terdapat perbezaan yang ketara.⁵ Jika dilihat perkembangan nasionalisme, kita dapati ia menjadi satu pergerakan (movement) pada abad ke 19, manakala pada abad ke 20, ia menjadi satu-satu falsafah politik unggul yang menguasai dunia.⁶

R. Suntharalingam yang telah membuat kajian tentang nasionalisme merumuskan bahawa nasionalisme merupakan satu fenomena sejagat, yang mengiktiraf hak setiap bangsa di dunia ini untuk menubuhkan negaranya yang tersendiri, memindahkan kedaulatan kepada rakyat, serta menuntut kesetiaan ulung individu disalurkan kepada negara bangsa itu.⁷

Para pengkaji barat seperti Hans Kohn, Karl Marx, A.D. Smith telah mengutarakan konsep nasionalisme dengan memberikan beberapa ciri penting.⁸ Istilah

⁴ Jan Romein, *op.cit.*, hlm. 30.

⁵ *Ibid.*

⁶ R.S. Chavan, *op.cit.*, hlm. 3.

⁷ R. Suntharalingam et al., *Nasionalisme Satu Tinjauan Sejarah*, Petaling Jaya : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1985. hlm. 15.

⁸ Hans Kohn mentakrifkan nasionalisme sebagai "satu keadaan fikiran, yang menyerap masuk ke dalam jiwa sebahagian besar rakyat dan didakwa menyerap masuk ke kalangan semua anggotanya; dia mengiktiraf negara-bangsa sebagai bentuk organisasi politik yang unggul, dan bangsa sebagai punca bagi segala kehidupan budaya yang membina dan punca kesejahteraan ekonomi. Oleh itu kesetiaan ulung manusia adalah tertimpu kepada bangsanya, kerana kehidupannya sendiri adalah dipercayai berdasarkan kepada dan dimungkinkan oleh kebijakan bangsanya". Sila rujuk Hans Kohn, *The Idea of Nationalism : A Study in its Origins and Background*, New York : Macmillan, 1944, hlm. 16.

Karl Marx pula mensifatkan nasionalisme sebagai ciptaan kelas borjuis dan kerajaan negara-bangsa sebagai "tidak lain dari sebuah jawatankuasa bagi pentadbiran hal-hal kelas borjuis secara keseluruhannya". Sila rujuk R. Suntharalingam, et al., *op.cit.*, hlm. 7.

Mengikut A.D. Smith, nasionalisme adalah satu pergerakan ideologi ke arah mencapai dan mempertahankan hak kekuasaan dan keperibadian sendiri sesuatu kumpulan sosial yang setengah ahlinya menganggap sebagai sesuatu bangsa yang sebenar atau berkemungkinan menjadi satu bangsa. *Ibid.*, hlm. 19.

“nation-state”⁹ seringkali diberi tumpuan oleh pengkaji tersebut yang lebih memfokuskan kajian mereka terhadap sejarah Eropah. Misalnya Hans Kohn menyatakan nasionalisme adalah satu keadaan pemikiran seseorang, yakni kesetiaan tertinggi individu itu adalah terhadap “nation-state”.¹⁰ Dengan kata lain, nasionalisme merupakan suatu fahaman atau kesedaran di kalangan orang yang serumpun serta mempunyai tradisi kebudayaan yang serupa dan berdasarkan persamaan inilah penubuhan sebuah negara¹¹ diperjuangkan. Negara tersebut patutlah merdeka dan berdaulat dan kepentingannya mesti diutamakan daripada segala kepentingan lain di kalangan penduduknya. Oleh sebab negara yang ditubuhkan itu berasaskan bangsa¹² maka negara tersebut sering disebut sebagai negara-bangsa (nation-state).

Dalam konteks Asia, perkembangan nasionalisme adalah lahir akibat trauma kolonialisme dan dengan itu ia dikatakan berbeza dengan nasionalisme di Eropah.¹³ Di Asia tidak wujud nation state seperti yang terdapat di Eropah, sebaliknya apa yang berlaku adalah penyatuan beberapa komuniti yang mempunyai kebudayaan yang agak berbeza kerana dipisahkan oleh kedudukan geografi.¹⁴ Nasionalisme di Asia adalah satu sentimen bersifat “*defensive*”¹⁵ yang mengutarakan hasrat rakyat untuk hidup lebih bebas dari segi politik, pembangunan dari segi sosial, ekonomi dan perlindungan terhadap hak-hak

⁹ “Nation-state” atau negara-bangsa adalah sebuah negara yang merdeka yang biasanya terdiri daripada satu kumpulan penduduk yang mempunyai bahasa, kebudayaan, dan sejarah yang sama.

¹⁰ Hans Kohn, op.cit., hlm. 16.

¹¹ Negara adalah satu wilayah yang didiami oleh satu bangsa yang mempunyai sempadan, berdaulat dan merdeka. Sila rujuk Gregorio F. Zaide dan Sonia M. Zaide, Government and Politics of the Republic of the Philippines, Quezon City : Alca Publishing Company, 1969, hlm. 1

¹² Bangsa: Satu kumpulan orang yang mempunyai unsur-unsur kebudayaan yang sama, sistem ekonomi yang sama, hak kerakyatan untuk semua ahlinya, perasaan persatuan yang wujud dari pengalaman bersama, dan mendiami wilayah yang sama. Sila rujuk R.Suntharalingam, et al., op.cit. hlm. 19.

¹³ Teodoro A. Agoncillo, Filipino Nationalism 1872-1970, Quezon City : R.P. Garcia Publishing Co., 1974, hlm. 2.

¹⁴ R.S. Chavan, op.cit., hlm. 3.

¹⁵ Defensive - merujuk kepada masyarakat yang berusaha untuk melindungi apa yang telah dicapai oleh mereka seperti perpaduan, kebudayaan, kemakmuran, maruah negara dan kemerdekaan. Sila rujuk Teodore A. Agoncillo, op.cit., hlm. 2.

mereka.¹⁶ Secara ringkasnya di Asia nasionalisme adalah perasaan cintakan negara dan ingin membebaskan negara serta bangsa daripada penguasaan dan cengkaman kuasa asing. Para nasionalis juga membentuk semangat kekitaan dan kesetiaan kepada negara serta menebus maruah dan kedaulatan bangsa. Tidak dapat dinafikan Asia terpengaruh dengan perkembangan nasionalisme dari Eropah. Semangat nasionalisme yang dibawa dari Eropah seterusnya digunakan pula untuk menyuarakan bantahan terhadap penjajahan barat.

“Nationalism is basically responsible for the widespread distrust of the West which still exists. There is an easily aroused suspicion that the former European rulers are plotting to restore their control.”¹⁷

Meneliti perkembangan nasionalisme secara khusus di Filipina tidak dapat dinafikan ia telah mendapat tumpuan yang mendalam oleh penulis sejarah dari Filipina dan juga dari luar. Masing-masing telah membincangkan perkembangan nasionalisme mengikut kefahaman mereka dengan memberikan tumpuan kepada aspek-aspek tertentu. Menurut Gregorio Zaide, nasionalisme ialah mewujudkan kebebasan dan maruah bangsa serta menentukan nasib dan masa depan bangsa dan negara dalam perjuangan menuntut kemerdekaan.¹⁸ Nasionalisme bagi Melanio Seduripa Figuracion pula adalah kesetiaan kepada tanah pribumi dan bersedia berkorban untuk negara.¹⁹ Untuk Jose S. Arcilla, nasionalisme adalah suatu semangat patriotisme terhadap negara dan pengorbanan terhadap negara dianggap paling agung.²⁰ Di sini nampak persamaan pendapat antara Melanio Seduripa Figuracion. Teodoro Agoncillo, seorang sejarahwan yang banyak membuat kajian

¹⁶ Di Asia walaupun negara Jepun telah memiliki beberapa ciri nasionalisme pada kurun ke 17, pemahaman kukuh tentang nasionalisme dan hal-hal lain dari Eropah menular masuk mulai abad ke 19. Boleh dikatakan perkembangan nasionalisme di Asia adalah lewat malah gerakan-gerakan nasionalisme amat ketara di negara seperti India, China, Parsi, Syria dan Mesir hanya selepas Perang Dunia Kedua. Sila rujuk, Edwin R. A. Seligmen (ed) *Encyclopaedia of the Social Sciences*, Vol. XI, New York : The Macmillan Company, 1967, hlm.248.

¹⁷ Lennox A. Mills, *Southeast Asia Illusion and Reality in Politics and Economics*, Minneapolis : University of Minnesota Press, 1964, hlm. 6.

¹⁸ Gregorio F. Zaide and Sonia M. Zaide, *op.cit.*, hlm. 2.

¹⁹ Melanio Seduripa Figuracion, *Background and Development of Philippine Nationalism 1872-1899*, Pittsburg : University of Pittsburg, Microfilm, 1959, hlm.1.

²⁰ Jose S. Arcilla, *Jose Rizal and the Emergence of the Philippine Nation*, Quezon City : Office of Research and Publications, 1991, hlm. 258.

tentang nasionalisme merumuskan bahawa nasionalisme mempunyai konotasi yang akan berubah mengikut masa, tempat dan keadaan.²¹ Ternyata nasionalisme adalah sesuatu yang terlalu subjektif.

Kajian ini secara tidak langsung akan menggarabkan sedikit sebanyak pendapat para sejarawan di atas. Semangat perjuangan, kesetiaan, dan sanggup berkorban akan diberikan tumpuan dalam kajian ini. Nasionalisme Filipina telah bermula dan berkembang dalam satu proses yang memperlihatkan perubahan-perubahan dari segi cara dan matlamat. Ia membenarkan pendapat Teodoro Agoncillo yang menyatakan, sesungguhnya nasionalisme mempunyai konotasi yang akan berubah mengikut masa, tempat, dan keadaan. Melanio Seduripa Figuracion yang telah membuat kajian tentang perkembangan nasionalisme di Filipina mengutarakan faktor seperti kedudukan geografi, persekitaran dan psikologi masyarakat di situ sebagai pendorong gerakan nasionalisme.²²

Walaupun menjadikan pendapat penulis-penulis sejarah Filipina sebagai sandaran, penulisan ini akan menilai perkembangan nasionalisme dari satu sudut yang berbeza. Fokus utama akan diberikan terhadap tanah air tercinta, lebih sesuai dan tepat jika digelar *motherland*. Segala perkembangan adalah berkisar kepada perasaan dan cinta kepada *motherland* ini. Saya berpendapat sekiranya nasionalisme di Eropah memberi penekanan kepada nation state, nasionalisme di Asia khususnya Filipina mengutarakan konsep *motherland*. Ini adalah selaras dengan pendapat Usha Mahajani yang merumuskan nasionalisme sebagai, "...*an awareness of a common bond among a people centred on a*

²¹ Teodoro A. Agoncillo, *op.cit.*, hlm. 2.

²² Melanio Seduripa Figuracion, *op.cit.*, hlm. 1.

*territory revered as a motherland.*²³ Dalam erti kata lain negara bolehlah diibaratkan sebagai ibu dan setiap penduduk yang mendiaminya adalah anak. Hubungan intim ini adalah sesuatu yang tidak dapat dinafikan dan seharusnya wujud secara semulajadi. Anak yang dimaksudkan ini harus mempunyai kasih sayang di tahap tertinggi, dan mereka seharusnya bersedia berkorban apa sahaja demi ibu yang telah menjadi tempat mereka menghuni, lebih-lebih lagi penduduk Filipina yang berselerak di beribu-ribu pulau telah mendapat identiti melalui ibu mereka iaitu Filipina.

Dalam meneliti perkembangan nasionalisme di Filipina, kita mendapati konsep *motherland* telah bertindak sebagai unsur penyatu penduduk Filipina iaitu pejuang-pejuang nasionalisme menggunakan perkataan *motherland* untuk membangkitkan nasionalisme di kalangan orang Filipina.²⁴ Kalau pada peringkat awal, orang Filipina terlalu dipengaruhi oleh sentimen kepulauan dan regionalisme, sifat ini akhirnya telah dipecahkan oleh Jose Rizal, Andres Bonifacio dan Emilio Aguinaldo yang membawa kewujudan sebuah *motherland*. Pada peringkat awal Jose Rizal yang mula-mula telah membangkitkan konsep *motherland* tetapi beliau melihat negara Sepanyol sebagai *motherland*. Beliau menuntut agar Filipina dan Sepanyol disatukan sebagai satu wilayah yang sama dan dalam konteks itu beliau melihat Sepanyol sebagai *motherland*. Dengan itu beliau mendesak agar orang Filipina diberi persamaan hak dengan orang Sepanyol.²⁵ Walaupun *motherland* yang ditekankan oleh beliau adalah Sepanyol,²⁶ sekurang-kurangnya beliau telah meletakkan asas kepada kesedaran perasaan kekitaan di kalangan orang Filipina yang seterusnya bertindak sebagai penyatu mereka.

²³ Usha Mahajani, *Philippine Nationalism, External Challenge and Filipino Response 1565-1946*, Queensland : University of Queensland, 1971, hlm. 5.

²⁴ Perkara ini dapat dilihat dalam bab-bab yang seterusnya.

²⁵ Perkara ini dapat dilihat dalam bab 2.

²⁶ Akan dibincangkan dalam bab-bab yang berikut.

Istilah *motherland* yang diperkenalkan oleh Jose Rizal semakin dititikberatkan oleh pejuang-pejuang nasionalisme selepas itu. Andres Bonifacio melihat *motherland* dari perspektif yang berbeza. Beliau tidak pergi jauh ke Sepanyol, sebaliknya beliau melihat Filipina itu sendiri sebagai *motherland* penduduknya, satu pendekatan yang menampakkan kematangan dalam pemikiran pejuang nasionalisme itu. Seterusnya fokus mereka adalah Filipina sebagai *motherland* dan mereka berusaha keras untuk membebaskannya dari belenggu penjajahan. Penulisan-penulisan mereka banyak menekankan konsep cintakan *motherland* seperti *Pagibig Sa Timbuang Bayan*. Andres Bonifacio menekankan konsep *Timbuang Bayan* yang membawa maksud *motherland*.²⁷ Beliau juga menekankan konsep *bayani* yang merujuk kepada hero. *bayani* juga bermaksud seseorang yang sanggup berkorban untuk *motherland*.²⁸ Penyatuan yang dicetuskan oleh konsep *motherland* tidak mengira bangsa, bahasa, taraf, dan tahap pendidikan seseorang. Konsep *motherland*lah yang memecahkan tembok pemisahan di antara golongan intelek dengan golongan massa. Konsep *motherland* ini jugalah mengangkat penduduk dari ratusan pulau di Filipina sebagai satu unit, memberi identiti kepada mereka dan yang lebih penting mewujudkan semangat kekitaan di antara mereka. Sekiranya tidak mempunyai kesedaran tentang *motherland* ini, adalah terlalu sukar untuk menyatukan penduduk Filipina yang sememangnya terpisah dalam begitu banyak aspek seperti bahasa, kepercayaan dan yang paling penting kedudukan geografi. Sesungguhnya konsep *motherland* berjaya diterapkan kepada masyarakat Filipina yang mula melihat diri mereka sebagai satu bangsa. Di sini juga kita mendapati nasionalisme di Filipina bukan sahaja untuk menghapuskan penjajahan asing tetapi juga melihat diri sebagai bangsa Filipina.

²⁷ Reynaldo Clemena Ileto, *Pasyon and Revolution, Popular Movements in the Philippines, 1840-1910*, Quezon City : Ateneo de Manila University Press, 1979, hlm. 192.

²⁸ Perkara ini akan dijelaskan dalam bab-bab yang berikut.

Dalam kemuncak perjuangan Emilio Aguinaldo telah menubuhkan republik Malolos. Republik yang dibentuk ini adalah simbol atau institusi kepada konsep *motherland* yang diperjuangkan. Konsep *motherland* ini telah memainkan peranan penting dalam menyatukan orang Filipina dan konsep ini yang mula-mula membawa kepada semangat kekitaan dari semua lapisan masyarakat iaitu dari golongan intelek kepada golongan massa, dan seterusnya membangkitkan kesedaran nasionalisme sehingga dapat menubuhkan kerajaan republik. Maka saya membicarakan perkembangan nasionalisme di Filipina dengan memberi penekanan kepada konsep *motherland*.²⁹ Sebelum meninjau kemunculan konsep *motherland* di Filipina kita perlu melihat sedikit sebanyak latar belakang penjajahan Sepanyol di Filipina.

1.2 Dasar Penjajahan Sepanyol di Filipina dan Kesannya

Pembukaan petempatan yang pertama oleh Miquel Lopez de Legaspi pada tahun 1565 menandakan bermulanya era penjajahan Sepanyol di Filipina.³⁰ Beliau telah meletakkan satu asas penjajahan Sepanyol³¹ yang seterusnya bertahan selama 333 tahun dan berakhir hanya pada tahun 1898.³² Bagaimana penjajah Sepanyol dapat bertahan begitu lama di Filipina? Keadaan semula jadi, struktur masyarakat yang sedia ada sebelum kedatangan Sepanyol serta yang penting dasar-dasar yang diamalkan oleh penjajah Sepanyol membolehkannya bertahan di Filipina selama 333 tahun. Yang penting Dasar

²⁹ Bab-bab berikut akan membincangkan perkara ini.

³⁰ Jose S. Arcilla, *op.cit.*, hlm. 31.

³¹ Onofre D. Corpuz, *The Bureaucracy in the Philippines*, Manila : University of the Philippines, 1957, hlm. 5.

³² Melalui Perjanjian Paris yang ditandatangani pada 10 Disember 1898 antara Sepanyol dan Amerika Syarikat, dengan rasminya pihak Sepanyol menyerahkan Filipina kepada pihak Amerika Syarikat.

Hispanisasi³³ yang dijalankan oleh pihak Sepanyol, membolehkan mereka bertapak begitu lama di Filipina.

Sungguhpun Dasar Hispanisasi berjaya dilaksanakan oleh pihak Sepanyol di Filipina namun ia telah membawa kepada penindasan dan ketidakadilan kepada masyarakat tempatan dari segi politik, ekonomi dan agama. Dari segi politik hampir keseluruhan struktur politik tradisional diubah oleh Sepanyol dan hanya unit yang paling kecil dikekalkan.³⁴ Pihak Sepanyol tidak boleh dipersalahkan apabila mereka cuba membawa perubahan besar dalam struktur politik Filipina yang berada dalam keadaan tidak mantap sebelum itu. Namun apa yang telah diabaikan adalah, penglibatan masyarakat tempatan dalam institusi politik yang dibentuk.

Kuasa luas yang dimiliki oleh pihak pentadbir Sepanyol, membolehkan mereka melakukan banyak penindasan. Mengikut organisasi pentadbiran Sepanyol di Filipina, penduduk Filipina harus diberi kuasa dalam aspek pentadbiran.³⁵ Tetapi dalam realiti, apa yang berlaku adalah bertentangan dengan polisi asal. Banyak penyelewengan dan ketidakadilan berlaku dalam pentadbiran iaitu masyarakat Filipina tidak diberi hak yang sama seperti yang telah ditetapkan dalam dikri-dikri Sepanyol dan tidak diberi kuasa untuk menjalankan pentadbiran.

³³ Dasar Hispanisasi bermaksud langkah mengespanyolkan Filipina, yakni menjadikannya mirip kepada Sepanyol. Program ini pernah dijalankan di koloni-koloni Sepanyol yang lain seperti Mexico dan Peru. Ia dilaporkan mencapai kejayaan baik di koloni-koloni Amerika Latin. Jadi dasar ini diaplikasikan di Filipina bertujuan menyeragamkan dan memudahkan pengawalan ke atas tanah jajahan dari aspek pentadbiran, ekonomi, dan sosial. Ia adalah satu usaha melenyapkan struktur politik, ekonomi, dan sosial yang telah sedia wujud. Sila rujuk John Leddy Phelan, The Hispanization of the Philippines : Spanish Aims and Filipino Responses 1565-1700, Madison : University of Wisconsin Press, 1959, hlm. 7

³⁴ Satu jawatan tempatan yang tidak dihapuskan oleh pihak Sepanyol adalah jawatan Datu (Ketua Tempatan) yang menjadi pentadbir *Barangay* iaitu unit pentadbiran tempatan yang terkecil yang terdiri daripada 45-50 buah keluarga. *Barangay* ini adalah unit kerajaan awal masyarakat Filipina yang memiliki ciri-ciri sosial, politik, dan ekonomi tersendiri. Setiap *Barangay* adalah bebas dengan mempunyai seorang ketua yang digelar Datu. Sistem ini tidak mempunyai kerajaan pusat. Asas-asas kekeluargaan yang diutamakan dalam sesebuah *Barangay* menyebabkan populasi kepulauan dibahagi-bahagikan ke dalam beberapa komuniti kecil yang terasing. Sila rujuk Onofre D. Corpuz, The Roots of the Filipino Nation, Vol. I, Quezon City : Aklahi Foundation, Inc., 1989, bab 1.

³⁵ Filipina ditadbir mengikut badan yang menggubal dan melaksanakan undang-undang bagi semua tanah jajahan Sepanyol. Melalui badan *la republica de los Indios* yang mempunyai kod undang-undang dan majistret yang berasingan dengan Sepanyol, Filipina ditadbir. Yang ini bermakna masyarakat tempatan juga mempunyai kuasa dalam kerajaan tempatan. Sila rujuk John Leddy Phelan, op.cit., hlm. 121.

Penyelewengan berlaku dari peringkat atas hingga ke peringkat rendah. Gabenor Jeneral yang merupakan ketua kerajaan Filipina diberi kuasa yang cukup luas, merangkumi banyak bidang.³⁶ Jarak yang jauh antara Sepanyol dengan Filipina menyukarkan Raja Sepanyol mengawal Gabenor Jeneral. Maka berlaku penyelewengan dan penindasan dan ketidakadilan dalam sistem pentadbiran. Penduduk Filipina pula menjadi mangsa kepada kuasa gabenor yang tidak terkawal. Amalan rasuah menjadi kebiasaan di kalangan pentadbir Sepanyol. Sepanjang perkhidmatan Gabenor Jeneral, mereka cuba sedaya upaya untuk mengumpulkan sebanyak mungkin harta sebelum pulang ke Sepanyol. Misalnya, Gabenor Jeneral Velario Weyler(1888-1891) yang tamat perkhidmatan di Filipina, pulang ke Sepanyol dengan wang yang lumayan sebanyak P3,000,000.³⁷ Dengan ini jelas, wang ini pasti diperoleh dengan mengeksplorasi rakyat Filipina. Institusi-institusi seperti *Royal Audiencia*³⁸ dan *Visita*³⁹ yang sepatutnya bertanggungjawab untuk mengawasi Gabenor Jeneral, tidak melaporkan hal sebenar kepada Raja Sepanyol kerana telah dirasuh oleh gabenor. Dengan itu, Nicholas Cushner mengatakan *Royal Audiencia* ini bukan saja tidak berguna malah menyusahkan.⁴⁰

Penyelewengan dan penindasan juga terlibat di peringkat yang lebih rendah. Amalan rasuah di kalangan *Alcalde Mayor*⁴¹ dikaitkan dengan gaji mereka yang amat sedikit iaitu 300 peso setahun. Yang menjadi mangsa adalah penduduk tempatan. Selain amalan rasuah penindasan juga dilakukan dengan cara lain. Misalnya di Ilocos, sistem

³⁶ Beliau mempunyai kuasa dari segi legislatif, pentadbiran, kehakiman dan menguruskan bidang kewangan. Beliau juga menjadi komander tentera. Gabenor Jeneral diberi satu taraf yang sama dengan Raja dan dengan itu tindakan yang diambil oleh empayar Sepanyol tidak berjaya mengurangkan kuasanya. Dengan ini mereka bukan sahaja berkuasa penuh malah berani menjalankan sebarang tindakan yang bertentangan dengan arahan Raja Sepanyol. Sila rujuk Nicholas P. Cushner, *Spain in the Philippines from Conquest to Revolution*, Quezon City : Ateneo de Manila University, 1971, hlm. 154-155.

³⁷ Vivencio R. Jose, *The Rise and Fall of Antonio Luna*, Manila : Solar Publishing Corporation, 1991, hlm. 23.

³⁸ Badan yang bertanggungjawab sebagai penasihat kepada Gabenor Jeneral. Merupakan sebuah tribunal yang mempunyai 3 fungsi iaitu sebagai mendengar rayuan, menjadi penasihat kepada Gabenor Jeneral, dan menguatkuasakan undang-undang.

³⁹ Badan yang bertanggungjawab untuk menyelia Gabenor Jeneral dan perlu menghantar laporan kepada Raja Sepanyol.

⁴⁰ Nicholas P. Cushner, *op.cit.*, hlm.168.

⁴¹ *Alcalde Mayor* adalah ketua di peringkat wilayah. Pada abad ke 17, Filipina telah dibahagikan kepada 12 wilayah dan setiap wilayah dilantik seorang *Alcalde Mayor*.

kutipan yang tidak adil dan penglibatan *Alcalde Mayor* dalam sistem *indulto de comercio*⁴² memaksa seorang tempatan bernama Diego Silang untuk memberontak. Di peringkat daerah juga, amalan rasuah dan eksplorasi ke atas orang Filipina dilakukan oleh *Gobernadorcillo*.⁴³

Bagaimana pula respon penduduk tempatan untuk menyertai aspek pentadbiran? Sebenarnya, masyarakat Filipina telah menunjukkan minat dalam aspek politik dan ini terbukti sejak awal abad ke 17 lagi.⁴⁴ Namun begitu orang tempatan tidak diberikan peluang. Jelaslah hispanisasi dari segi politik lebih membawa keburukan daripada kebaikan. Hanya kelas atasan Filipina yang digelar *Principalia*⁴⁵ menikmati kehidupan mewah kerana mereka telah dengan rela hati menerima penjajahan Sepanyol.⁴⁶

Hispanisasi dari segi ekonomi pula, bertujuan untuk membawa kemakmuran dan kekayaan kepada raja dan negara Sepanyol. Namun dalam usaha ini, juga banyak penindasan serta ketidakadilan telah berlaku. Penduduk Filipina dan negara Filipina telah dijadikan punca untuk menghakis segala kekayaan demi memenuhi matlamat kolonial dan juga matlamat persendirian para pentadbir Sepanyol yang berkhidmat di situ. Penduduk tempatan tidak diberi keutamaan dalam bidang ekonomi.

Masalah besar telah timbul dalam sistem pemilikan tanah. Orang tempatan tidak diberi hak pemilikan tanah yang dipegang secara adat selama ini. Banyak tanah telah

⁴² *Indulto de comercio* ialah perintah diraja pada tahun 1751 yang membenarkan gabenor perbandaran melibatkan diri dalam perdagangan dan ini adalah salah satu keistimewaan yang memberi beliau peluang untuk monopolii dalam perdagangan di wilayah.

⁴³ *Gobernadorcillo* adalah ketua di peringkat daerah yang terdiri daripada beberapa unit *Barangay*. Sila rujuk Nicholas Cushner, *op.cit.*, hlm. 168.

⁴⁴ Pada awal abad ke 17, semua lelaki dewasa diminta mencalonkan tiga orang untuk pemilihan jawatan *Gobernadorcillo*. Wakil daripada Kerajaan Sepanyol akan memilih seorang dari mereka untuk berkhidmat selama satu tahun. Tetapi sistem ini dikatakan tidak berkesan dan menyebabkan pertikaian dalam pilihan raya. Namun apa yang penting adalah, sifat penduduk tempatan yang menunjukkan minat dalam aspek politik. Sila rujuk, John Leddy Phelan, *op.cit.*, hlm. 168.

⁴⁵ *Principalia* – orang Sepanyol yang lahir di Filipina.

⁴⁶ Golongan *Principalia* ini juga dikecualikan daripada cukai, buruh paksa dan lain-lain lagi.

dijadikan milik kerajaan dan penduduk tempatan dikenakan pelbagai syarat.⁴⁷ Tidak dapat dinafikan banyak perkembangan telah dicapai dalam aspek pertanian, kemudahan kredit, pengangkutan dan perhubungan. Namun apakah kebaikan yang diperoleh oleh orang tempatan? Kehidupan orang tempatan terus menderita dan tertekan untuk mengeluarkan sesuatu barang yang khusus. Malah monopoli tembakau yang telah dibentuk pada tahun 1781 juga menyusahkan penduduk Filipina.⁴⁸ Maka bolehlah dirumuskan perubahan ekonomi yang dibawa oleh Sepanyol telah lebih memburukkan keadaan. Malah sebelum kedatangan orang Sepanyol, masyarakat tempatan mempunyai sistem ekonomi sara diri yang lebih teratur.

Sistem ufti yang diperkenalkan juga menjadi satu bebanan kepada orang Filipina, terutamanya dalam sistem ufti *encomienda*⁴⁹. Banyak kekejaman telah berlaku, kadar bayaran biasa melebihi dari had yang rasmi (1 peso pada tahun 1589). Ketidakcekapan dalam menyimpan rekod menyebabkan adakalanya seseorang anak terpaksa membayar untuk bapanya yang telah meninggal dunia dan kekerasan juga diguna dalam pungutan ufti.⁵⁰

⁴⁷ Kebenaran untuk mengusahakan tanah hanya diberi setelah bayaran dibuat. Petani yang telah mendapatkan hutang daripada pihak pentadbir Sepanyol atau golongan agama dan tidak dapat membayarnya terpaksa menyerahkan tanahnya, selaras dengan surat perjanjian yang ditandatangani sebelum itu. Sila rujuk John Leddy Phelan, *op.cit.*, bab 8.

⁴⁸ Ramai ejen kerajaan yang bertanggungjawab memperkuuhkan sistem monopolii ini, telah menyalahgunakan kuasa mereka dan menipu rakyat dan kerajaan Filipina. Bayaran daripada kerajaan diambil oleh ejen dan semua hasil terpaksa dijual oleh penanam kepada kerajaan. Kerajaan pula membayar hutang secara surat perjanjian dan hanya kilang-kilang yang dijalankan oleh kerajaan boleh mengeluarkan bahan-bahan rokok dan bahan-bahan lain berkenaan tembakau dijual dengan harga mahal. Kesannya, pedagang Filipina melibatkan diri dalam penyaludupan dan perniagaan gelap dan mengamalkan rasuah untuk mendapat harga lebih tinggi bagi hasil mereka.

⁴⁹ *Encomienda* berasal dari Antilles, kemudian diamalkan di Mexico, Peru dan akhirnya di Filipina. Penjajah Sepanyol membahagikan Filipina dalam bidang-bidang kuasa yang dikenali sebagai *encomienda*. Seorang pegawai ditugaskan untuk mengumpul cukai dari anak buahnya dan seterusnya dikehendaki memberi perlindungan dan menukar anak buahnya ke agama Kristian. Sistem ini dihapuskan dan diganti dengan sistem kerajaan perbandaran kerana penyalahgunaan kuasa pegawai *encomienda*. Sila rujuk John Leddy Phelan, *op.cit.*, hlm. 95-98.

⁵⁰ *Ibid.*

Penindasan tidak terhenti disitu dan beberapa cara lagi diguna untuk menindas penduduk tempatan. Sistem *Polo*⁵¹ digunakan untuk menjadikan orang tempatan sebagai buruh paksa. Sistem *Vandala*⁵² pula digunakan untuk mendapatkan hasil penduduk tempatan dengan cara termudah. Satu lagi sistem yang menimbulkan kemarahan orang Filipina ialah cukai *cedula*⁵³ individu yang diperkenalkan kepada setiap orang Filipina yang berumur 18 tahun keatas. Adakala kanak-kanak yang berumur 12 tahun juga dikenakan cukai *cedula*.⁵⁴ Selain itu, pelbagai cukai lain juga dikenakan yang membawa kepada penderitaan dan ketidakpuasan hati penduduk Filipina.⁵⁵

Perdagangan *Galleon*⁵⁶ merupakan satu lagi cara untuk menambahkan pendapatan pentadbiran Sepanyol, tetapi pada masa yang sama menindas penduduk tempatan. Ruang-ruang dalam kapal yang diperuntukkan di dalam perdagangan *Galleon* telah dikuasai oleh golongan pentadbir dan golongan agama. Penglibatan rakyat tempatan teramat sedikit. Mereka lebih merupakan pemotong kayu dan pembina kapal-kapal yang dibina untuk perdagangan tersebut.

Jelaslah pihak Sepanyol di Filipina telah melakukan banyak penindasan dalam aspek ekonomi dalam usaha memajukan negara Sepanyol dan menambahkan kekayaan

⁵¹ *Polo* – Sistem buruh kerahan. Sistem *polo* adalah dari model Mexico yang dikenali sebagai repartimiento, iaitu penduduk tempatan wajib memberi perkhidmatan buruh mereka kepada pihak pemerintah. Mengikut sistem *polo* ini semua lelaki yang berumur antara 18-60 tahun terlibat dalam pembayaran perkhidmatan ini. Keua-ketua tempatan dan anak sulung mereka dikecualikan. Namun begitu, ia disalahgunakan dimana buruh *polo* tidak dibayar gaji. Apa yang membolehkan mereka terus hidup ialah sumbangan beras yang bernilai 4 peso yang diterima daripada perbandaran kampung. Kerja yang begitu teruk menyebabkan ada yang sanggup menjadi harba untuk mengumpul wang untuk membebaskan diri. Sila rujuk John Leddy Phelan, *op.cit*, hlm. 99-102.

⁵² *Vandala* adalah satu sistem di mana penduduk tempatan mesti menjual hasil kepada kerajaan. Mereka diberi surat perjanjian hutang sebagai pengganti barang yang dijual. Sistem semakin membebankan penduduk Filipina. *Ibid*.

⁵³ *Cedula* - setiap penduduk yang berumur 18 tahun ke atas perlu memiliki ‘*cedula personal*’ atau dokumen identiti pengenalan diri. Harga *cedula* berbeza dari 25 dollar hingga 50 sen. ia boleh dimiliki mengikut kemampuan pemohon. Setiap lelaki atau wanita yang memiliki *cedula* bernilai kurang daripada 3 dollar, wajib menjadi buruh paksa selama 15 hari setiap tahun. Jika sesiapa yang memiliki *cedula* yang lebih mahal mereka hanya perlu bekerja separuh daripada kerja sahaja. Sila rujuk Horacio de la Costa, *Readings in Philippine History*, Manila : Bookmark, 1965, hal. 224.

⁵⁴ Surat Narcisa Jose Rizal kepada Jose Rizal, bertarikh 10 Mac 1891, diambil daripada *Letters Between Jose Rizal and Family Members*, Vol.II, Manila : National Heroes Commission, 1964, hlm. 323.

⁵⁵ Misalnya sesiapa yang memiliki kebun kelapa, perlu membayar cukai tahunan sebanyak 5 sen bagi setiap pokok. Ternakan juga dikenakan cukai. Rujuk, Horacio de la Costa, *op.cit*, hlm. 224.

⁵⁶ *Galleon* adalah kapal-kapal besar yang digunakan untuk menjalankan perdagangan antara Mexico dengan Filipina. Untuk keterangan lanjut sila rujuk William Lytle Schurz, *The Manila Galleon*, Quezon City : R.P. Garcia Publishing Co., Inc., 1985.

mereka sendiri dengan menjadikan penduduk tempatan sebagai mangsa. Maka tidak hairanlah ketidakpuasan hati penduduk tempatan menimbulkan kemarahan dan kekecewaan terhadap penjajah dan akhirnya mencetuskan semangat nasionalisme di kalangan penduduk Filipina.

Dasar Hispanisasi dari segi agama juga telah menindas dan menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan orang Filipina. Dasar Hispanisasi dari segi agama juga bermatlamat untuk menyebarkan agama Kristian di kalangan masyarakat Filipina dan tugas ini telah dilakukan oleh golongan paderi Sepanyol. Sesungguhnya dasar-dasar yang dijalankan berjaya dalam mengkristiankan penduduk tempatan. Namun begitu golongan paderi juga tidak terlepas daripada penyelewengan-penyelewengan. Paderi-paderi Sepanyol bertindak di luar tugas mereka sebagai penyebar agama. Dalam kebanyakkan keadaan mereka telah menyaingi dan mencabar pihak pentadbiran Filipina untuk mengumpulkan harta.⁵⁷ Mereka telah campur tangan dalam urusan pentadbiran negara misalnya dalam perdagangan *Galleon*⁵⁸, *Obras Pias* dan sebagainya.

Mereka terlibat dalam institusi “*Obras Pias*” iaitu institusi kebaikan dan kemudiannya menjadi institusi pinjaman kewangan yang paling terkenal. Kadar faedah yang dikenakan amat tinggi. Sekiranya orang yang meminjam tidak pulangkan wang, harta mereka akan dirampas. Selain itu, golongan paderi juga terlibat dalam aktiviti

⁵⁷ Bilangan paderi yang lebih berbanding dengan pegawai pentadbir menyebabkan mereka dapat mengisi kekurangan pegawai-pegawai. Pengetahuan golongan paderi dalam bahasa Filipina sangat mendalam, maka pegawai-pegawai awam terpaksa bergantung kepada golongan paderi dalam urusan pentadbiran negara. Dengan keadaan ini paderi telah menggunakan kuasa yang ada untuk menindas rakyat.

⁵⁸ Golongan paderi mengabaikan tanggungjawab sebagai penyebar agama dan terlibat dalam perdagangan *Galleon* yang memberikan keuntungan yang lumayan kepada mereka. Lihat Nicholas P. Cushner, *op.cit.*, hlm. 5.

pengumpulan tanah dan menjadi pemilik-pemilik estet yang besar di Filipina. Mereka menggunakan cara tipu helah untuk merampas tanah penduduk.⁵⁹

Ketidakadilan juga berlaku dalam institusi gereja atau kelas kepadrian. Dalam usaha menyebarkan agama Kristian kepada penduduk tempatan, kariah-kariah didirikan di kebanyakan tempat di Filipina oleh golongan paderi Sepanyol yang terdiri daripada beberapa order agama.⁶⁰ Kariah-kariah ini sepatutnya ditadbir oleh paderi-paderi yang tidak tergolong kepada mana-mana order keagamaan.⁶¹ Memandangkan ketika itu sangat sedikit golongan paderi di Filipina, keadaan ini menyebabkan paderi Sepanyol terpaksa menduduki kariah.⁶² Namun paderi Sepanyol harus menyerahkan pentadbiran kariah kepada paderi Filipina apabila bilangan paderi tempatan telah bertambah atau setelah diberi latihan.⁶³

Pada pertengahan abad ke 18, setelah bilangan paderi tempatan telah meningkat, mereka mendesak agar segera mengadakan *sekularisasi*⁶⁴ iaitu menuntut menyerahkan kariah-kariah kepada orang tempatan. Tetapi golongan paderi Sepanyol enggan menyerahkan kariah kepada orang tempatan dengan alasan bahawa paderi tempatan masih belum terlatih.⁶⁵ Sebenarnya oleh sebab paderi Sepanyol menikmati kekayaan menerusi

⁵⁹ Penglibatan golongan paderi dalam aktiviti pengumpulan harta dan melanggar prinsip keagamaan dan menimbulkan penentangan daripada penduduk tempatan. Lihat Nicholas P. Cushner, Landed Estates in the Colonial Philippines, New Haven : Yale University Southeast Asia Studies, 1976.

⁶⁰ Majoriti paderi Sepanyol dan Eropah adalah milik kepada beberapa order keagamaan yang khas. Mereka terdiri daripada kumpulan agama seperti St. Augustine, St. Dominic, St. Francis dan lain-lain lagi. Mereka ini dipanggil sebagai regulars atau friars. Paderi yang tidak tergolong kepada mana-mana order digelar sebagai sekular (seculars). Kebanyakkan paderi Filipina adalah tergolong dalam kelas kedua iaitu sekular.

⁶¹ Teodoro A. Agoncillo, op.cit., hlm. 6.

⁶² Sebagai paderi Sepanyol mereka bertanggungjawab kepada wilayah tertentu; tetapi sebagai pembantu paderi mereka bertanggungjawab kepada bishop atau archibishop daerah yang mana kariah mereka terletak. Sistem luar biasa ini membawa kepada timbulnya kontroversi antara bishop atau archibishop dan pembantu paderi. Bishop atau archibishop mahu menjalankan tugas mereka untuk mengadakan lawatan rasmi ke kariah. Tindakan ini mendapat tentangan daripada pembantu paderi. Pertelingkahan ini berterusan tanpa panyeleasan. Ibid., hlm. 6-7.

⁶³ Maximo M. Kalaw, The Development of Philippine Politics (1872-1920), Vol. I, Manila : Oriental Commercial Co., Inc., 1926, hlm. 24.

⁶⁴ *Sekularisasi* – proses penyerahan pentadbiran gereja oleh paderi-paderi Sepanyol kepada paderi-paderi tempatan yang digelar paderi sekular.

⁶⁵ Walaupun latihan pernah diberikan kepada paderi tempatan tetapi tidak ikhlas. Paderi Sepanyol sengaja tidak mahu memberi perhatian serius semata-mata untuk terus menguasai kawasan kariah di Filipina. Paderi-paderi tempatan dipandang rendah dan cuma mengisi jawatan rendah sahaja. Sila rujuk Onofre D. Corpuz, The Roots of the Filipino Nation, Vol. II, Quezon City : Aklahi Foundation, 1989, hlm. 4.

sumbangsan yang diterima daripada kariah, mereka enggan menyerahkan kariah kepada paderi tempatan. Banyak berlaku penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa oleh golongan paderi Sepanyol ke atas orang Filipina.⁶⁶

Keengganan paderi Sepanyol menyerahkan kariah telah menimbulkan kemarahan di kalangan paderi tempatan. Misalnya pada tahun 1860 persoalan mengenai sekularisasi sangat aktif berlaku di Filipina. Beberapa paderi tempatan dengan lantang memperjuangkan hak sekularisasi. Misalnya mengikut data tahun 1870, daripada 792 kariah yang terdapat di Filipina, sebanyak 611 kariah dikuasai oleh paderi Sepanyol dan cuma 181 kariah dikuasai oleh paderi tempatan.⁶⁷ Keadaan ini telah mendorong orang Filipina untuk membebaskan diri daripada dominasi golongan paderi Sepanyol dan kegagalan usaha-usaha ke arah sekularisasi telah membawa kepada kemunculan golongan nasionalis di Filipina pada penghujung abad ke 19. Dengan terbongkarnya penyelewengan dan penindasan paderi Sepanyol ke atas orang Filipina, ia memberi suatu kesedaran untuk bangkit dan memperjuangkan hak mereka yang sebenarnya.

Penyalahgunaan kuasa dan penindasan golongan paderi ke atas orang tempatan inilah yang menyebabkan lahir semangat bencikan penjajah khasnya golongan paderi. Umpamanya dalam akhbar *La Solidaridad*,⁶⁸ golongan paderi diberikan gambaran yang begitu buruk sekali sehingga telah mencetuskan api kemarahan di kalangan orang Filipina.

“...somebody egoistic, avaricious, greedy, hypocritical, false, lustful, arrogant, dominating, vengeful..... They have been assassins, poisoners, liars, agitators of public peace and the tranquility of homes ... they stirred the fire of the most violent passions, aroused in every way

⁶⁶ Usha Mahajani, *op.cit.*, hlm. 46.

⁶⁷ Maximo M. Kalaw, *op.cit.*, hlm. 25.

⁶⁸ Akhbar ini diterbitkan oleh orang Filipina di Sepanyol pada 15 Februari 1889.

the ideas of rebellion against the nation and the legally-constituted powers, ...”⁶⁹

Jelaslah bahawa penindasan serta kekejaman telah bermula lebih awal. Namun begitu reaksi yang ditunjukkan adalah secara tidak menyeluruh. Sungguhpun penentangan-penentangan berlaku di sepanjang abad ke 18, ia adalah bersifat regionalistik yang berlaku tanpa suatu kesedaran nasional. Yakni kebangkitan-kebangkitan tersebut melibatkan segelintir rakyat Filipina yang berjuang untuk kepentingan tertentu dan di daerah tertentu yang tidak melambangkan aspirasi seluruh masyarakat Filipina. Namun begitu, sekurang-kurangnya ia memberi gambaran bahawa sememangnya terdapat tanda-tanda tidak puas hati terhadap pentadbiran Sepanyol seperti dalam isu-isu cukai, ekonomi, agama dan lain-lain sebab yang bersifat persendirian dan regionalistik sahaja.⁷⁰ Dengan sebab itulah walaupun wujud reaksi-reaksi awal, ini tidak boleh diklasifikasikan sebagai nasionalisme kerana konsep *motherland* belum wujud dalam diri penduduk Filipina. Umpamanya pemberontakan Dagohoy, walaupun terkenal, ia tidak dapat berkembang lebih jauh malah O.D. Corpuz merumuskan sebegini.

“The example of Dagohoy’s success, and of the independence he won for his small community, could not crosss the waters to the neighboring islands, not even to the other pueblos in his native Bohol. The

⁶⁹ *La Solidaridad*, (terjemahan Guadalupe Forces-Ganzon), Vol. I, 1889, Quezon City : University of The Philippines Press, 1967, hlm. 229.

⁷⁰ Penentangan-penentangan yang berlaku adalah bermotif individu, bersifat regionalistik yang tidak melambangkan hasrat keseluruhan penduduk Filipina. Misalnya pada tahun 1574 Lakan Dula memberontak disebabkan Sepanyol tidak mematuhi beberapa keistimewaan dan pengecualian pembayaran cukai dan kerja buruh paksa. Pada tahun 1596 Magalat dari Cagayan mengadakan pemberontakan menentang Sepanyol akibat kutipan cukai yang sewenang-wenangnya. Pemberontakan berlaku di bawah pimpinan Andres Malong di kampung-kampung seperti di Pampangan, Pangasinan dan Ilocos pada tahun 1650an akibat terjejasnya ekonomi orang tempatan sebab pengenalan system *polo* dan *vandala*. Di Ilocos, sistem kutipan bayaran yang tidak adil dan penglibatan alcade mayor dalam system *indulto de comercio* memaksa Diego Silang memimpin pemberontakan. Pemberontakan Filipina yang terancang berlaku di bawah pimpinan Magat Salamat di Tondo pada tahun 1588. Magat juga berjaya mengadakan rancangan sulit dengan Kapten Laut Jepun, Joan Gayo untuk menyeludup senjata bagi mengadakan pemberontakan. Namun pemberontakan ini berjaya digagalkan oleh Sepanyol. Sila rujuk A. Oliver Flores, “The Filipino Rebel”, dalam *The Sunday Times Magazine*, 8 Jun 1969, Manila, 1969, hlm. 11 dan Usha Mahajani, *op.cit.*, hlm. 24.

Pada tahun 1841, Apolinario de la Cruz yang berumur 27 tahun telah mengetuai pemberontakan Tayabas yang berlaku kerana memperjuangkan kebebasan pengamalan order agama. Apabila de la Cruz membentuk order agama sendiri, tindakan ini dianggap oleh Sepanyol sebagai alat untuk mengadakan pemberontakan. Dengan itu, de la Cruz telah ditangkap dan ditembak mati. Di antara tahun 1621 dan 1622, pemberontakan berlaku di bawah pimpinan Tamblot kerana ingin kembali ke agama prakolonial. Pada tahun 1622, Bagkaw (ketua Limasawa) yang telah bertukar agama kepada Kristian memimpin satu pemberontakan untuk mengekalkan semula agama lama. Pada tahun 1744, Francisco Dagohoy membangkitkan orang-orang Bohol untuk memberontak kerana seorang paderi Jesuit tidak sanggup menjalankan upacara pengebumian kristian untuk abangnya. Dagohoy mengumpulkan 20,000 orang dan pemberontakan ini mengambil masa lebih kurang 80 tahun dan berakhir pada tahun 1828. Walaupun dalam pemberontakan ini ramai yang terlibat namun ia jelas menunjukkan perjuangan masalah individu dan tidak menggambarkan hasrat semua rakyat Filipina.

Filipinos still had no *motherland* because a *motherland* could not exist in their minds.”⁷¹

Mengapakah penentangan-penentangan tersebut tidak menyeluruh dan bersifat regionalistik dan masih tidak wujud konsep *motherland* di kalangan penduduk Filipina? Ini kerana terdapat beberapa faktor yang menghalang tindakan penduduk tempatan untuk bergerak secara menyeluruh dan bersepadu.

Salah satu faktor penting yang menebalkan sifat regionalistik adalah dasar pecah dan perintah yang diamalkan oleh pegawai dan paderi Sepanyol dalam pentadbiran Filipina.⁷² Walaupun mereka ada polisi koloni dari Sepanyol tetapi ia hanya di atas kertas sahaja, kerana apa yang dipraktikkan adalah berbeza dengan dasar asalnya. Dasar pecah dan perintah dikatakan salah satu faktor yang melambatkan kebangkitan nasionalisme di Filipina, walaupun melebihi 300 tahun berada di bawah penjajahan Sepanyol. Salah satu cara pelaksanaan dasar pecah dan perintah ialah dengan penggunaan sistem pasport.⁷³ Penggunaan pasport mengikut setiap wilayah telah menebalkan lagi semangat kedaerahan tanpa memberi ruang kepada kelahiran konsep negara bangsa.⁷⁴ Misalnya seorang Ilacano hanya akan memberi sokongan dan taat setia kepada Ilocos sahaja. Keadaan ini memberi kesempatan kepada orang Sepanyol kerana mereka tidak perlu menggunakan askar-askar Sepanyol untuk menentang orang tempatan dan ini dapat menjimatkan perbelanjaan. Orang Sepanyol berjaya menggunakan askar tempatan menentang orang Filipina di wilayah-wilayah dalam peperangan kerana orang Filipina tidak dapat lihat diri mereka sebagai satu bangsa Filipina tetapi dengan kesetiaan kedaerahan yang menebal. Semangat regionalisme

⁷¹ Onofre D. Corpuz, *The Roots of the Filipino Nation*, Vol. II, op.cit., hlm. 328.

⁷² Teodoro A. Agoncillo, op.cit. hlm. 4.

⁷³ Ibid.

⁷⁴ Penggunaan sistem pasport ini hanya ditarik balik pada kurun ke 19. Oleh sebab pada kurun ke 19 berlaku perkembangan ekonomi pesat dalam bidang pertanian dan perdagangan, maka keadaan ini memerlukan pergerakan penduduk secara bebas tanpa sebarang kawalan; yang akhirnya menyebabkan pihak Sepanyol menghapuskan sistem pasport tersebut. Ibid.

yang kuat ini dapat dilihat apabila Sepanyol berjaya menggunakan orang Ilocano untuk menentang orang Pampango dalam perang. Penggunaan pasport ini hanya ditarik balik pada abad ke-19. Dasar pecah dan perintah seperti ini dikatakan telah melambatkan perkembangan nasionalisme di kalangan penduduk Filipina.⁷⁵

Seterusnya keadaan geografi Filipina yang bersifat kepulauan⁷⁶ dengan terdiri daripada kira-kira 700 buah pulau dan hakikat ini sahaja sudah memadai untuk menerangkan kesukaran untuk mencapai perpaduan. Di samping itu, faktor bahasa juga menjadi salah satu punca ketidakwujudan perpaduan kerana penggunaan pelbagai bahasa yang berbeza di setiap pulau, yakni tiada satu bahasa perantaraan yang dapat diguna oleh seluruh masyarakat Filipina.

Seterusnya, sistem pendidikan penjajah Sepanyol juga mendorong kepada masalah perpaduan di kalangan orang Filipina. Di mana sistem pendidikan yang wujud juga tidak membawa perkembangan dalam hal-hal dunia kerana pihak pentadbir banyak bergantung kepada golongan agama untuk menguruskan dan menjalankan pendidikan di Filipina. Maka tidak hairanlah sekiranya ia lebih tertumpu kepada aspek keagamaan. Bahan-bahan yang berbentuk sekular jarang ditekan. Lebih menarik lagi, bahasa Sepanyol tidak diajar di sekolah-sekolah ini sehingga tahun 1863.⁷⁷ Dengan itu, bolehlah dikatakan walaupun sistem pendidikan yang teratur diperkenalkan oleh pihak Sepanyol, ia dikawal secara ketat untuk mengelakkan tercetusnya idea untuk menentang mereka.

⁷⁵ Teodoro A. Agoncillo, op.cit., hlm. 4.

⁷⁶ Filipina merupakan sebuah kepulauan yang mengandungi lebih daripada 7,100 buah pulau dengan memanjang lebih kurang 1,100 batu dari Utara ke Selatan.

⁷⁷ Onofre D. Corpuz, *The Roots of the Filipino Nation*, Vol. I, op.cit., hlm. 499.

Dengan ini jelaslah dasar Hispanisasi berjaya memisahkan rakyat Filipina supaya mereka tidak berupaya membentuk sebuah negara yang bersatu dan kelemahan komunikasi memburukkan lagi keadaan. Perpaduan tidak wujud di kalangan penduduk tempatan. Walaupun mereka ditindas dan diseksa, mereka tidak berupaya menentang pihak koloni sebagai bangsa yang bersatu.

Sesungguhnya pihak Sepanyol tidaklah sekuat seperti yang dapat dibayangkan dengan lamanya tempoh ia menjajah Filipina. Ini kerana bilangan tentera Sepanyol yang berada di Filipina pada satu-satu masa adalah tidak ramai. Mereka hanya berpusat di Manila yang mempunyai kubu pertahanan yang dibina dengan kukuh.⁷⁸ Selain daripada tentera, Pihak Sepanyol juga banyak bergantung kepada golongan agama untuk memperkuat kuasanya di Filipina. Penaklukan juga dijalankan melalui keamanan dengan penggunaan golongan agama ini.⁷⁹ Kalau pihak tentera menggunakan kaedah kekerasan untuk menakluki penduduk tempatan, golongan agama pula menjalankan penaklukan secara psikologi iaitu menggunakan agama Kristian yang dibawa untuk mengawal masyarakat. Mereka juga telah membawa pemodenan, mereka menjadi satu sebab kenapa pihak Sepanyol boleh bertahan begitu lama di Filipina.⁸⁰ Jadi dapatlah dirumuskan pihak Sepanyol tidaklah sekuat mana. Kelebihan mereka adalah cara yang diguna untuk memanipulasi penduduk tempatan di samping usaha-usaha yang diambil untuk menghalang penyatuan penduduk tempatan.

Walaupun terdapat penentangan-penentangan sejak pendudukan Sepanyol, perkembangan nasionalisme dalam erti kata sebenar hanya wujud pada pertengahan abad ke

⁷⁸ Antonio M. Molina, *The Philippines Through the Centuries*, Vol. I, Manila : U.S.T. Cooperative, 1960, hlm. 99.

⁷⁹ Rafael Bernal, *Prologue to Philippine History*, {terjemahan Ramon Echevarria}, Manila : Solidarid Publishing House, 1967, hlm. 67.

⁸⁰ Antonio M. Molina, *op.cit.*, hlm. 102.

19. Pada tahap ini penglibatan penduduk tempatan dalam aktiviti nasionalisme adalah cukup aktif. Terdapat beberapa faktor yang membawa kepada tercetusnya semangat nasionalisme di Filipina.

1.3 Perkembangan Nasionalisme Selepas Pertengahan Abad ke 19

Banyak peristiwa yang berlaku pada pertengahan kedua abad ke 19 telah membawa ke arah perkembangan nasionalisme di Filipina. Umpamanya perkembangan ekonomi yang berlaku semasa penjajahan Sepanyol telah membuka jalan kepada kemunculan idea nasionalisme. Tindakan penjajah Sepanyol membenarkan orang-orang asing untuk melibatkan diri dalam pertanian dan perindustrian telah membawa kepada suatu era baru dalam sistem ekonomi di Filipina.⁸¹ Perkembangan ekonomi ini telah menyebabkan banyak kawasan-kawasan Filipina mula dibuka kepada dunia luar mulai tahun 1830an. Misalnya Manila dibuka kepada dunia luar pada tahun 1834, dan Cebu pada tahun 1860.⁸²

Perkembangan dalam pertanian membawa kepada kemajuan dalam sistem perhubungan dan komunikasi menyebabkan perhubungan terus antara satu kawasan dengan kawasan yang lain. Peningkatan dalam pengeluaran juga memerlukan bekalan buruh, maka sistem pasport yang diperkenalkan oleh Sepanyol turut dibatalkan. Keadaan ini di samping memudahkan lagi pergerakan penduduk dari satu wilayah ke wilayah lain, malah merapatkan hubungan di antara mereka.

⁸¹ Kecenderungan orang-orang asing terhadap setengah-setengah barang ekspor di Filipina dan penglibatan mereka dalam ekonomi tersebut memberikan suatu stimulus kepada pengeluaran hasil Filipina. Firma-firma asing mendirikan bank-bank perdagangan dan memberi kemudahan kredit kepada pelabur-pelabur. Misalnya pada tahun 1842 sebanyak 39 petempatan perdagangan Sepanyol dan orang asing wujud di Manila. Rujuk Maximo M. Kalaw, *op.cit*, hlm. 26.

⁸² Kawasan-kawasan lain seperti Sual (Luzon Utara), Iloilo (Visayas) dan Zamboanga (Mindanao) dibuka kepada dunia luar pada tahun 1885. Sila rujuk Gregorio F. Zaide, *Philippine Political and Cultural History*, Vol. 1, Manila : Mc Culloug Printing Co., 1950, hlm. 106.

Keadaan ini secara tidak langsung memperbaiki perhubungan antara wilayah yang sekian lama diasingkan melalui dasar pecah dan perintah penjajah Sepanyol. Walaupun kemajuan dalam bidang pertanian hanya menguntungkan golongan atasan berbanding golongan bawahan, kemajuan dalam sistem perhubungan dan pengangkutan telah membawa orang-orang Filipina lebih rapat antara satu sama lain. Ini menyebabkan orang-orang Filipina dapat menyedari penderitaan yang dialami mereka dengan lebih jelas. Kemajuan perhubungan ini membolehkan orang tempatan mengetahui apa yang dialami oleh orang Filipina secara keseluruhannya di bawah penjajahan Sepanyol.

Perkembangan ekonomi ini telah membawa kepada kemunculan suatu kelas pertengahan di Filipina. Kemunculan kelas pertengahan ini telah mendorong kepada perkembangan idea nasionalisme di Filipina. Perkembangan tanaman eksport bagi pasaran dunia mendorong orang-orang Filipina khasnya golongan *mestizo*⁸³ mengambil bahagian secara aktif dalam aktiviti-aktiviti tersebut. Akibat daripada penglibatan mereka dalam aktiviti ekonomi tersebut, mereka telah lahir sebagai golongan kelas pertengahan. Kelas pertengahan ini bukan sahaja menjadi satu kelas kaya tetapi juga dapat memperbaiki taraf sosial mereka.⁸⁴ Mereka mula menghantar anak-anak belajar di institusi-institusi tinggi di dalam dan di luar negeri. Melalui usaha kelas pertengahan ini muncul golongan elit yang telah mendapat pendidikan di Eropah dan Manila. Mereka yang mendapat pendidikan tinggi ini dikenali sebagai golongan *ilustrado*. Dengan kemunculan golongan *ilustrado* ini telah membawa kepada kelahiran pejuang-pejuang nasionalisme Filipina.

⁸³ *Mestizo* - lahir hasil daripada perkahwinan campur orang Filipina dengan Sepanyol (*Mestizo Sepanyol*) dan orang Filipina dengan Cina (*Mestizo Cina*).

⁸⁴ Melalui Dikri Pendidikan 1863, Sepanyol membenarkan pendidikan rendah dan menengah kepada semua rakyat Filipina. Perubahan dalam corak pendidikan adalah kesan daripada perkembangan ideologi liberal mula berleluasa di Sepanyol pada masa tersebut. Keadaan ini membolehkan lagi ramai rakyat Filipina memperoleh pendidikan tinggi. Kemunculan golongan pertengahan ini menjadi satu halangan kepada penjajah Sepanyol kerana mereka mula menunjukkan perasaan penentangan terhadap dasar kolonial. Pegawai Sepanyol pula berasa kecil hati terhadap kelas pertengahan dan menghina mereka dengan gelaran dalam bahasa Sepanyol “*bestias cargadas de oro*” (binatang-binatang yang diisi emas).

Golongan *ilustrado* mula mempersoalkan kegiatan penjajah di Filipina. Mereka mula sedar hak mereka dan menjadi lebih sensitif terhadap kekejaman rejim Sepanyol. Mereka mengambil keputusan untuk mengubah keadaan orang Filipina dan mereka ini juga mula melihat diri mereka sebagai suatu bangsa yang sama iaitu bangsa Filipina.⁸⁵ Golongan *ilustrado* ini mula terpengaruh dengan perkembangan ideologi politik barat. Misalnya idea-idea liberal dari barat menular ke Filipina melalui pelajar-pelajar Filipina di Sepanyol ataupun yang berada di negara-negara Eropah yang lain. Dengan kemunculan Napoleon Bonaparte⁸⁶ dan Revolusi Perancis mendedahkan idea hak asasi manusia dan konsep kewarganegaraan. Tambahan pula, Revolusi 1868 di Sepanyol membawa kepada perkembangan idea-idea liberal seperti pembentukan perlombagaan baru yang memberi kesamaan hak-hak sivil dan politik di Sepanyol.⁸⁷

Sesungguhnya, pemikir-pemikir idea liberal dari barat telah membuka minda orang Filipina. Umpamanya karya John Locke⁸⁸ (*Two Treatises of Government*) dan karya Jean Jacques Rousseau⁸⁹ (*The Social Contract*) berupaya menarik perhatian beberapa orang Filipina. Karya-karya ini menegaskan kewajipan pentadbir melindungi hak dan kebijakan penduduk. Sekiranya pentadbir gagal berbuat demikian, penduduk pula

⁸⁵ Lewat tahun 1860 dan terutamanya selepas tahun 1872, orang Filipina yang tinggal di sekitar Manila sedang menuju ke arah ciri-ciri seorang Filipina yang sebenarnya. Manila menjadi titik pertemuan orang tempatan yang datang dari pelbagai wilayah. Keadaan ini memungkinkan mereka berpeluang untuk menyedari yang mereka ini adalah bangsa Filipina. Perkara ini memang benar kepada anak-anak Filipina kelas pertengahan. Kehidupan dalam suasana kosmopolitan dan kapitalisme telah mengubah cara hidup *pueblo* dan membuka minda dan persepsi. Mereka menjadi lebih rapat semasa berada di dalam dewan kuliah dan asrama atau ketika penglibatan mereka dalam kegiatan sosial. Golongan pelajar ini dapat lihat diri mereka sebagai orang Filipina. Sila rujuk Onofre D. Corpuz, *The Roots of the Filipino Nation*, Vol. II, *op.cit.*, hlm. 21.

⁸⁶ Napoleon Bonaparte – seorang panglima tentera dan negarawan yang berjaya menguasai sebahagian besar benua Eropah pada awal kurun ke 19. Beliau berkuasa di Perancis mulai penghujung tahun 1799, beliau telah bertanggungjawab menyebarkan dan mengamalkan idea-idea revolusi di negara-negara takluknya.

⁸⁷ Ketika pelajar-pelajar Filipina berada di Sepanyol, mereka juga telah membaca mengenai Revolusi Perancis. Kesan daripada pembacaan tersebut telah mendorong orang Filipina khasnya golongan *ilustrado* untuk menghapuskan penjajah Sepanyol dari Filipina.

⁸⁸ John Locke - ahli falsafah Inggeris yang mempopularkan prinsip raja berperlembagaan yang telah berjaya ditonjolkan melalui Revolusi Inggeris 1688. Beliau menolak konsep raja mutlak dan menegaskan bahawa kerajaan patut diasaskan kepada suatu kontrak atau persetujuan di antara kerajaan dengan rakyat.

⁸⁹ Jean Jacques Rousseau – seorang ahli falsafah dan pemuzik Perancis yang telah menghasilkan buku “*The Social Contract*”. Beliau telah mengemukakan keunggulan suara rakyat bagi menjamin kesejahteraan masyarakat. Suara seluruh rakyat ini digelar Hasrat Umum.

mempunyai hak melancarkan penentangan dan revolusi untuk menggulingkan kerajaan itu. "The Social Contract" juga menegaskan bahawa manusia dilahirkan bebas dan boleh mengekalkan hak mereka melalui pemilihan kerajaan. Di samping itu, idea-idea Montesquie⁹⁰ berhubung dengan doktrin pengasingan kuasa juga telah menyedarkan rakyat bahawa mereka dikongkong di bawah pentadbiran Sepanyol.

Idea liberalisme benar-benar telah memberi impak yang besar ke atas masyarakat Filipina. Semasa rejim republik di Sepanyol pada 11 Februari 1873 - Januari 1874, ramai pegawai daripada parti progresif yang radikal telah datang ke Manila dan telah menerapkan idea demokrasi, hak asasi manusia, persamaan taraf, konsep berkerajaan sendiri dalam minda penduduk Filipina.⁹¹ Ditambah pula dengan pembukaan Terusan Suez pada tahun 1869 telah memendekkan masa perjalanan antara Eropah dan Filipina kepada 30 hari dan seterusnya menyebabkan ramai orang Sepanyol dan bangsa Eropah lain datang ke Filipina. Mereka ini yang mendapat pengaruh pemikiran liberal di Eropah, seterusnya membawa idea-idea tersebut bersama ke Filipina.⁹² Ini menyebabkan idea baru mengenai kerajaan menyusup masuk ke dalam pemikiran masyarakat Filipina. Perkembangan ini menyebabkan timbul kesedaran di kalangan orang Filipina bahawa selama ini mereka telah diperalatkan oleh pegawai dan paderi Sepanyol. Orang Filipina sedar bahawa manusia dilahirkan bebas dan boleh mengekalkan hak mereka melalui pemilihan bagi kerajaan yang dikehendaki. Jadi, mereka menuntut agar perlombagaan liberal Sepanyol dilanjutkan di Filipina.⁹³ Tetapi tuntutan ini mendapat tentangan daripada golongan paderi Sepanyol

⁹⁰ Montesquie – merupakan pemikir Perancis yang telah mempengaruhi bentuk perlombagaan Amerika Syarikat. Dalam karyanya, "The Spirits of Laws", beliau telah menekankan prinsip pembahagian kuasa antara institusi-institusi kerajaan agar kuasa tidak dimonopoli oleh mana-mana cabang pemerintahan, sama ada badan kehakiman, parlimen atau eksekutif.

⁹¹ Pegawai-pegawai atau pendokong idea liberal ini dengan lantang mengkritik dan mengutuk kelemahan dan dasar autokratik golongan paderi di Filipina. Di samping itu, mereka juga memperkenalkan prinsip dan idea baru serta konsep yang berbeza mengenai hak politik individu.

⁹² Pembukaan Terusan Suez juga menyebabkan penyusupan segera penulisan radikal dan politik Sepanyol ke Filipina.

⁹³ Onofre D. Corpuz, *The Roots of the Filipino Nation*, Vol. II, *op.cit.*, hlm. 4.

kerana kluatir hak-hak politik dan ekonomi yang dinikmati oleh mereka selama ini akan hilang.

Perubahan pentadiran yang sering berlaku di Sepanyol juga memberi kesan ke atas perkembangan idea nasionalisme di Filipina. Dari tahun 1800 hingga 1875 beberapa revolusi telah berlaku di Sepanyol. Dua parti yang berpengaruh iaitu parti liberal dan konservatif bersaing antara satu sama lain dalam membentuk kerajaan.⁹⁴

Walaupun semua peristiwa ini berlaku di Sepanyol, tetapi ia memberi kesan kepada Filipina. Setiap kali kerajaan baru didirikan, sekumpulan pegawai baru akan dihantar ke Manila. Jika parti liberal menang, maka gabenor yang mendokong idea liberal akan dihantar ke kepulauan. Akibat daripada perubahan pentadbiran di Sepanyol, dapat dilihat kesannya di Filipina pada penghujung tahun 1860an. Di mana selepas Revolusi Sepanyol pada tahun 1868 parti liberal telah mengambil alih tampuk pemerintahan di Sepanyol. Perubahan pentadbiran ini juga berlaku di kawasan koloni Sepanyol iaitu di Filipina. "*The French Revolution had fostered ideas of freedom in Spain; the growth of liberalism in Spain had its repercussions in her colonies.*"⁹⁵

Lantaran daripada perubahan pentadbiran di Sepanyol, seorang gabenor yang berfahaman liberal iaitu Carlos Maria de la Torre telah dihantar sebagai gabenor ke Manila pada 1869. Pada masa pemerintahan beliau, rakyat Filipina telah menikmati dasar yang lebih liberal dan mereka hidup dalam keadaan gembira. Maria de la Torre telah membentuk kerajaan yang harmoni dengan idea moden dan lebih demokratik. Beliau juga cuba

⁹⁴ Pada tahun 1868 kerajaan liberal di bawah Queen Isabella II telah dijatuhkan dan kerajaan revolucioner membentuk kerajaan monarki. Tetapi kerajaan ini gagal bertahan dan diganti dengan kerajaan republik. Dalam setahun sahaja empat Presiden Republikan dipilih dan mereka gagal dalam usaha mengawal kerajaan. Akhirnya tentera mengambil alih kuasa dan mendirikan kerajaan diktator tentera. Sila rujuk Jose S. Arcilla, An Introduction to Philippine History, Manila : Ateneo Publications, 1971, hlm. 81.

⁹⁵ Renato Constantino, The Philippines : A Past Revisited, Quezon City : Tala Publishing Services, 1975, hlm. 129.

menegakkan konsep persamaan taraf antara orang Sepanyol dan Filipina, membenarkan kebebasan bersuara dan menghapuskan sekatan akhbar. Beliau juga mengenalkan dikri pendidikan pada tahun 1870 yang menyebabkan sebahagian daripada institusi yang dipegang oleh golongan agama jatuh ke tangan pihak kerajaan. Misalnya Universiti Santo Thomas yang dipegang oleh golongan Dominican telah diletakkan di bawah kawalan kerajaan.⁹⁶ Kebanyakkan dikri-dikri yang dilaksanakan oleh Maria de la Torre pula bertujuan untuk memperbaiki mutu pendidikan di Filipina.⁹⁷

Perkembangan idea liberal ini telah mempengaruhi orang tempatan untuk menuntut hak-hak yang lebih banyak dan beberapa keistimewaan daripada pentadbir Sepanyol. Tanpa sebarang halangan, kerajaan liberal memberikan beberapa keistimewaan kepada orang tempatan yang sebelum ini tidak pernah dinikmati.⁹⁸ Orang-orang Sepanyol di Filipina tidak setuju dengan tindakan-tindakan Maria de la Torre tersebut. Mereka mengcam dasar politik Maria de la Torre kerana ia boleh mendorong kepada kemunculan kesedaran kebangsaan yang akhirnya akan membawa ke arah revolusi.⁹⁹ Namun polisi murah hati Maria de la Torre juga tidak kekal lama akibat daripada pengaruh golongan konservatif, monarki dan golongan paderi yang mempunyai kuasa yang lebih kukuh. Maria de la Torre terpaksa kembali ke Sepanyol kerana kejatuhan pemerintahan liberal dalam tahun 1871. Orang-orang Sepanyol di Filipina sangat gembira kerana pengganti Maria de la Torre iaitu Rafael de Izquierdo dari parti konservatif adalah seorang pemerintah yang zalim. Beliau mengarahkan agar sesiapa yang berfahaman liberal dihukum. Orang Filipina mengalami kesusahan ekoran daripada beberapa perubahan yang berlaku dalam dasar liberal dan beberapa hak keistimewaan ditarik balik oleh de Izquierdo. Umpamanya de Izquierdo telah

⁹⁶ Onofre D. Corpuz, *The Roots of the Filipino Nation*, Vol. II, *op.cit.*, hlm. 12.

⁹⁷ *Ibid.*, hlm. 6-15.

⁹⁸ Melanio Seduripa Figuracion, *op.cit.*, hlm. 32.

⁹⁹ Onofre D. Corpuz, *The Roots of the Filipino Nation*, Vol. II, *op.cit.*, hlm. 15.

mengubah dasar-dasar de la Torre dan memaksa beberapa orang *mestizo* dan orang Filipina supaya meletakkan jawatan dari perkhidmatan awam dan tentera. Orang-orang Filipina tidak diberi pengecualian pembayaran cukai dan penglibatan dalam sistem buruh paksa. Ini menimbulkan kemarahan dan rasa tidak puas hati di kalangan orang Filipina. Akhirnya keadaan ini membawa kepada tercetusnya suatu pemberontakan iaitu Pemberontakan Cavite dan seterusnya membawa kepada pembunuhan tiga orang paderi pada tahun 1872 dan seterusnya menjadi peristiwa penting yang mula-mula bertindak menyatupadu orang-orang Filipina atas ketidakadilan yang berlaku kepada paderi-paderi tersebut.

1.4 Pemberontakan Cavite 1872

Pemberontakan Cavite adalah satu manifestasi orang tempatan yang menunjukkan perasaan tidak puas hati kepada pemerintahan zalim Gabenor Jeneral de Izquierdo.¹⁰⁰ Pada 20 Januari 1872, sekumpulan pekerja Filipina yang berkhidmat di gudang senjata Cavite bangun memberontak di bawah pimpinan Sergeant la Madrid kerana menentang tindakan kejam de Izquierdo yang mengarahkan pengurangan gaji pekerja-pekerja itu serta penghapusan beberapa hak keistimewaan mereka.

Pemberontakan Cavite tidaklah berbeza sangat berbanding kebangkitan-kebangkitan lain di Filipina sebelum itu. Masih didapati beberapa kekurangan dari segi perancangan, persediaan, organisasi dan ketidakwujudan permuafakatan antara mereka telah memudahkan penjahah Sepanyol yang menggunakan askar-askar tempatan berjaya menggagalkan pemberontakan tersebut.¹⁰¹ Sepanyol telah menahan lebih daripada 100

¹⁰⁰ Melanio Seduripa Figuracion, *op.cit.*, hlm. 49.

¹⁰¹ Onofre D. Corpuz, *The Roots of the Filipino Nation*, Vol. II, *op.cit.*, hlm. 20.

orang yang kebanyakannya terdiri daripada golongan berpendidikan dan kaya serta golongan paderi. Pada 21 Januari, Izquierdo menahan tiga orang iaitu paderi Jose Burgos, Mariano Gomez, Jacinto Zamora.¹⁰² Golongan paderi ini dituduh sebagai patriot pelampau yang berbahaya.¹⁰³

Tanpa perbicaraan adil tiga orang paderi iaitu Gomez, Burgos, Zamora dihukum bunuh pada 17 Februari 1872.¹⁰⁴ Mereka tidak diberi peluang langsung untuk membela diri dan dicekik hingga mati. Paderi besar (Archbishop) Meliton Martinez yang mengetahui perkara ini walaupun tidak percaya bahawa ketiga-tiga paderi itu bersalah, tidak dapat berbuat apa-apa kerana tekanan dan desakan kuat gabenor jeneral yang ingin menjalankan hukuman itu serta-merta.¹⁰⁵

Peristiwa pembunuhan paderi-paderi ini menimbulkan perasaan marah di kalangan orang-orang Filipina dari seluruh tempat seperti di Manila, Laguna, Cavite, Bulacan dan Pampanga telah berkumpul di Baguimbayam. Penajah Sepanyol sedar bahawa mereka telah membangkitkan kemarahan orang Filipina dan telah bertindak berundur ke kubu *Intramuros* (Walled City) dan mempertahankan diri mereka.

Pelbagai reaksi timbul selepas insiden Cavite di Filipina. Pihak Sepanyol menuduh golongan paderi tempatan sebagai pemimpin yang bersuhabat serta menghasut orang

¹⁰²Lain-lain paderi yang ditahan termasuk Augustin Mendoza, Mariano Sevilla, Jose Guevera, Miguel de laza, Toribio H. del Pilar dan Vincente de Rosario. Antara peguam yang ditahan adalah Joaquin Pardoe Tavera, Jose Basa, Antonio Ma Regidor, Bartolome Serra, Gervasio Sanchez dan Pedro Carrillo. Golongan peniaga yang ditahan adalah Maxima Inocencio, Vincente Zabala, Crisnato de Los Reyes dan Balbino Mauricio. Turut ditahan orang awam seperti Enrique Paraizo, Jose Ma Basa dan Pio Ma Basa.

¹⁰³Horacio de la Costa, *The Background of the Nationalism and Other Essays*, Manila : Solidaridad Publishing House, 1965, hlm. 80.

¹⁰⁴Pada pukul 7.30 pagi, 17 Februari 1872, tiga orang paderi di bawa berjalan oleh pasukan tentera ke Baguimbayan di mana paderi tersebut akan dikenakan hukuman mati. Pada mulanya Gomez dicekik mati, diikuti pula dengan Zamora dan Burgos. Peristiwa pembunuhan yang kejam ini juga dikenali sebagai *The Terror of 1872*. Sila rujuk Onofre D. Corpuz, *The Roots of the Filipino Nation*, Vol. II, *op.cit.*, hlm. 17-22.

¹⁰⁵Walau bagaimanapun, Archbishop berjaya mendapatkan kebenaran menggunakan loceng gereja apabila ketiga-tiga paderi itu dihukum mati. Ini sebagai tanda penghargaan beliau kepada tiga paderi tersebut yang menjalankan tugas keagamaan selama ini. Selain hukuman mati, ramai peguam, peniaga, paderi dan orang awam sama ada dihukum seumur hidup atau dibuang ke Pulau Marianas.

Filipina dalam pemberontakan Cavite. Pihak pentadbir Sepanyol menyatakan pemberontakan itu adalah suatu usaha untuk menuntut kemerdekaan.¹⁰⁶ Golongan paderi Sepanyol pula menuduh pemberontakan tercetus akibat daripada idea liberal dari Eropah yang menular ke Filipina melalui akhbar *El Echo Filipina* (The Philippine Echo) yang diterbit di Sepanyol.¹⁰⁷

Bagi orang Sepanyol, dengan tumpasnya pemberontakan Cavite adalah dianggap suatu kejayaan besar kerana ia diharap dapat melemahkan semangat para pejuang Filipina. Orang Sepanyol juga berharap keamanan dapat dicapai setelah semua pemberontak tersebut dibuang negeri dan dipenjara. Selepas penumpasan tersebut, hampir 20 tahun tiada sebarang usaha dan pemberontakan senjata berlaku di Filipina untuk menjatuhkan rejim Sepanyol.¹⁰⁸ Walaupun keamanan wujud selepas itu tetapi ia hanyalah “*enforced peace*” (keamanan terpaksa). Bagi saya peristiwa Cavite memberi satu impak yang besar terhadap perkembangan nasionalisme Filipina kerana selepas insiden itu penduduk mula sedar tentang sistem kolonial dan seterusnya menyedarkan mereka untuk bersatu-padu dan membangkitkan semangat nasionalisme. Insiden Cavite telah meninggalkan kesan yang mendalam kepada orang Filipina. Orang Filipina mengganggap peristiwa Cavite dipergunakan oleh Sepanyol untuk menghalang sebarang bentuk perkembangan idea liberal dan pembaharuan di Filipina. Iaitu insiden Cavite dipergunakan oleh paderi Sepanyol untuk menyekat pengaruh paderi tempatan khasnya dalam tuntutan sekularisasi iaitu tiga paderi tempatan dituduh sebagai punca kepada pemberontakan tersebut.

¹⁰⁶ Teodoro A. Agoncillo, *op.cit.*, hlm. 5.

¹⁰⁷ Akhbar ini dibawa ke Filipina oleh pejuang idea liberal Sepanyol.

¹⁰⁸ Eufronio M. Alip, *Political and Cultural History of the Philippines*, Vol. II, Manila: Alip & Sons, Inc., 1968, hlm. 10.

Insiden Cavite 1872 adalah penting kerana ia menjadi faktor pemangkin kepada penyatuan orang Filipina dan menjadi titik tolak dalam sejarah perkembangan idea nasionalisme di Filipina. Selepas peristiwa inilah lahir nasionalis tempatan khasnya golongan *ilustrado* yang terlibat dalam gerakan nasionalisme Filipina. Pembunuhan tiga orang paderi tersebut juga menyedarkan khasnya golongan terpelajar Filipina bahawa orang tempatan tidak ada peluang untuk meningkatkan taraf kehidupan sosial dan ekonomi selagi berada di bawah penjajahan Sepanyol.¹⁰⁹ Selepas insiden inilah ia membawa kepada penglibatan golongan *ilustrado* dalam gerakan propaganda. Ia telah menyedarkan penduduk Filipina dan kepentingan mewujudkan identiti bangsa. Kesedaran ini disemarakkan lagi terutamanya oleh Jose Rizal dengan idea-idea reformasinya. Penulisan Rizal telah membuka mata rakyat terhadap penindasan dan eksplotasi penjajah.

Walaupun Sepanyol menuduh tiga orang paderi sebagai pelampau tetapi Jose Rizal sedar bahawa mereka menjadi mangsa kekejaman dan ketidakadilan penjajah Sepanyol yang sentiasa mahu mengongkong orang Filipina untuk kepentingan mereka. Mereka telah berjuang dengan ikhlas untuk kebajikan orang Filipina iaitu menuntut kariah diserahkan kepada paderi tempatan. Dengan itu Rizal telah mendedikasikan novel *El Filibusterismo* sempena memperingati pengorbanan tiga paderi tersebut, "... *I have the right to dedicate my work to you as victims of the evils which I undertake to combat.*"¹¹⁰

Keupayaan tiga orang paderi ini dianggap lebih berjaya dan berani dalam perjuangan mereka berbanding dengan golongan elit Filipina. Di samping itu, golongan paderi tersebut juga dianggap sebagai simbol agama oleh orang Filipina. Hukuman bunuh

¹⁰⁹ Teodoro A. Agoncillo, *op.cit.*, hlm. 7.

¹¹⁰ *Ibid.*, hlm. 8.

tanpa suatu perbicaraan adil ke atas mereka menimbulkan kemarahan dan rasa tidak puas hati di kalangan orang tempatan. Dengan itu walaupun usaha-usaha ke arah untuk mengadakan sekularisasi di kariah hanya melambangkan perjuangan untuk kelas kepadrian dan bukan bersifat nasional, tiga orang paderi tersebut masih dianggap hero oleh orang Filipina.¹¹¹

Perlu diingat selepas pemberontakan Cavite masyarakat Filipina tidak menunjukkan sebarang bantahan untuk tempoh masa 20 tahun selepas itu. Peristiwa Cavite menjadi titik permulaan perkembangan nasionalisme di Filipina. Reaksi orang Filipina menjadi lebih nyata pada tahun 1880an. Apa yang pasti pada masa ini, nasionalis Filipina menyedari pihak Sepanyol banyak melakukan kekejaman dan penindasan dan mereka harus ditentang. Namun begitu matlamat dan hala tuju golongan pejuang-pejuang pada peringkat ini masih samar-samar dalam menuntut sebuah negara Filipina yang berdaulat. Sungguhpun demikian, kejadian peristiwa Cavite itu sendiri boleh dikatakan satu tindakan awal untuk menjadikan Filipina sebagai *motherland*, di mana mereka mula menunjukkan penentangan secara terus terang terhadap penjajahan Sepanyol.

¹¹¹ Horacio de la Costa, *The Background of Nationalism*, *op.cit.*, hlm. 79.